



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PERATURAN BOLA SEPAK

1.0 NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

2.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019 yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 5.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar 25 orang pemain serta dua (2) orang pegawai di dalam Borang Pendaftaran Pasukan seperti berikut:-

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
MAKSIMUM	25	2

- 5.2 **Borang Pendaftaran Pasukan** yang telah disahkan hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** ke Seksyen Pengelolaan Sukan, Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia.
- 5.3 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola 15 minit sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.

- 5.4 Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran dan borang pendaftaran perlawanan sahaja dibenarkan bermain.
- 5.5 Setiap pasukan yang bertanding diwajibkan mempunyai **dua (2) orang pemain veteran yang bermain di padang.** (Rujuk Perkara 17.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UPM 2019) **Sekiranya terdapat pertukaran pemain veteran, maka perlulah diganti dengan pemain veteran yang lain secara “Rolling Substitute”**
- 5.6 Setiap pasukan diwajibkan menyenaraikan **7 pemain veteran di dalam borang pendafrtan** pasukan. Pemain Veteran akan dibekalkan **“tanda”** untuk membezakan pemain yang mendaftar sebagai pemain veteran.
- 5.7 Bilangan Pemain Yang Mencukupi
- 5.7.1 Bilangan pemain **minimum** bagi sesuatu perlawanan seperti masa yang diiklankan ialah seramai **9 orang** untuk separuh masa pertama. Sekiranya sesebuah pasukan masih mempunyai 9 orang pemain bagi memulakan perlawanan separuh masa kedua, pasukan tersebut dikira kalah (W/O) walaupun mendahului pasukan lawan dengan kelebihan jaringan pada separuh masa pertama. Kemenangan percuma akan diberikan dengan jaringan gol 3 – 0.
- 5.7.2 Jika kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan **9 orang pemain bagi separuh masa pertama dan 11 orang pemain bagi separuh masa kedua** apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan, maka pengadil hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan yang akan mengambil tindakan selanjutnya.

6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN

- 7.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.
- 7.2 Sekiranya terdapat persamaan warna pakaian, dengan syarat tuan rumah memakai warna sebagaimana yang mereka isytiharkan mengikut Peraturan, maka pasukan pelawat hendaklah menukar warna pakaian mereka. Begitu juga sekiranya pasukan tuan rumah memakai warna

pakaian lain dari apa yang mereka isytiharkan mengikut Peraturan, maka pasukan tuan rumahlah yang dikehendaki menukar pakaian mereka.

- 7.3 **Jersi setiap pasukan hendaklah sama dan seragam pada setiap perlawanan.**

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.
- 8.2 Masa bermain ialah 35 minit bagi setiap separuh masa dengan masa rehat 10 minit.
- 8.3 Penggantian pemain

Sebanyak **5 orang penggantian pemain (Senior)** dibenarkan dalam masa sesuatu perlawanan termasuk masa tambahan dan pemain yang telah di ganti (keluar dari padang) tidak dibenarkan untuk masuk bermain semula di padang.

Setiap pasukan yang bertanding diwajibkan mempunyai **dua orang pemain veteran yang bermain di padang**. (Rujuk Perkara 17.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UPM 2019). Sekiranya terdapat pertukaran pemain veteran, maka perlulah diganti dengan pemain veteran yang lain secara “Rolling Substitute”

9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

- 9.1 Perlawanan akan dijalankan secara liga satu kumpulan (Round Robin)

9.1.1 Pemberian Mata:

Menang	-	3 Mata
Seri	-	1 Mata
Kalah	-	0 Mata

- 9.1.2 Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain sesuatu perlawanan, pasukan lawan hendaklah diberi tiga (3) mata dengan jaringan 2-0. Jika terdapat mana-mana pasukan digantung atau menarik diri dari pertandingan atas apa-apa sebab jua pun mata dan jaringan gol yang memasuki atau kena hendaklah diambil kira.

- 9.1.3 Jika dua (2) atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

9.1.3.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira menang.

9.1.3.2 Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan gol terbanyak dalam semua perlawanan dikira menang.

9.1.3.3 Jika masih seri, pasukan yang mempunyai bolos tersikit akan dikira pemenang.

9.1.3.4 Jika masih seri, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya dalam perlawanan awal dikira menang.

10.0 TINDAKAN TATATERTIB

10.1 Sistem pergantungan pemain adalah seperti berikut:-

10.1.1 Dua (2) Kad Kuning – Gantung 1 perlawanan berikutnya.

10.1.2 Satu (1) Kad Merah – Gantung 2 perlawanan berikutnya.

10.1.3 Satu (1) Kad Kuning dan satu (1) Kad Merah Direct (perlawanan berasingan) – Gantung 2 perlawanan berikutnya. Kad Kuning masih lagi kekal hidup.

10.1.4 Satu (1) Kad Kuning dan satu (1) Kad Merah Direct (dalam satu perlawanan) – Gantung 2 perlawanan berikutnya. Kad Kuning masih lagi kekal hidup.

10.1.5 Satu (1) Kad Merah Direct – Gantung 2 perlawanan berikutnya.

10.1.6 Kad Kuning dalam perlawanan peringkat kumpulan tidak akan dibawa ke peringkat kalah mati kecuali pemain yang telah menerima dua (2) Kad Kuning atau satu (1) Kad Merah akan tetap menjalani hukuman seperti perkara 10.1.1, 10.1.2, 10.1.3, 10.1.4 dan 10.1.5.

10.2 Pemain yang dibuang padang membabitkan kes pergaduhan boleh digantung terus daripada menyertai kejohanan ini. (Bergantung kepada keputusan Jawatankuasa Pengelola)

11.0 KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawan akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan tiga (3) mata dan jaringan 3-0.

12.0 MENARIK DIRI

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

13.0 BANTAHAN

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

14.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN

14.1 Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

14.2 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca, atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan dan perlawanan itu tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan itu hendaklah dilangsungkan pada keesokkan harinya ditempat yang sama dan pada masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

14.3 Jika perlawanan itu terpaksa ditangguhkan lagi kerana sebab-sebab seperti di atas, maka tarikh baru perlawanan yang ditangguhkan itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

14.4 Sekiranya pengadil menghentikan perlawanan kerana tingkahlaku penonton, pegawai atau pemain satu (1) pasukan yang tidak memuaskan, maka Jawatankuasa Pengelola Pertandingan boleh mengambil keputusan-keputusan berikut:

14.4.1 Kemenangan diberi kepada pasukan yang lain dengan tiga (3) mata dan jaringan gol 3 – 0 atau jaringan semasa perlawanan dihentikan, jika ianya lebih.

15.0 HADIAH

Rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia 2019.

16.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staff Universiti Putra Malaysia 2019.